

25/11/1997

Pemuda BN serah memo sokong PM

MELAKA, Isnin - Pemuda Barisan Nasional (BN) Melaka menyerahkan memorandum menyokong penuh serta berdiri teguh di belakang kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim serta Ketua Menteri, Datuk Seri Abu Zahar Isnin dalam menangani isu yang dihadapi negara.

Ketetapan Pemuda BN Melaka ialah menolak campurtangan 34 ahli Kongres Amerika Syarikat dalam urusan kepemimpinan negara serta usaha siasatan ke atas pelaburan Petronas di Iran.

Pengerusi Pemuda BN Melaka, Nazari Adzim, berkata ketetapan juga diambil menolak sekeras-kerasnya campurtangan mana-mana pihak luar sama ada kuasa besar mahu pun media asing yang boleh mengganggu-gugat keharmonian serta kemajuan ekonomi negara.

"Pemuda BN Melaka juga menyedari bahawa kepemimpinan Dr Mahathir telah membawa banyak kejayaan kepada negara, terutama dalam menstabilkan kedudukan politik, memajukan perkembangan ekonomi dan mengekalkan perpaduan masyarakat majmuk yang terbaik di dunia," katanya selepas menyerahkan memorandum itu kepada Abu Zahar yang juga Pengerusi BN Melaka di Seri Bendahara di sini, petang, semalam, untuk disampaikan kepada pucuk pimpinan negara.

(END)